

Hilang jati diri kerana gagal komunikasikan kegemilangan

Komunikasi warisan atau segala bentuk perkongsian maklumat mengenai tinggalan generasi terdahulu bagi mengambil iktibar daripadanya sangat diperlukan untuk membentuk peradaban generasi seterusnya.

Oleh ASMA HANIM MAHMOOD

KEGEMILANGAN sejarah dan warisan Melayu perlu di ketengahkan dalam apa jua saluran terutama media supaya generasi muda sedar kehebatan dan kemampuan bangsa sendiri.

Dekan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad berkata, kegagalan menyampaikan maklumat kejayaan lampau telah menyebabkan ramai generasi kini lebih mengenali dan memuja budaya orang lain kerana kehilangan jati diri.

Antara puncanya adalah kekontangan maklumat, kecelaruan menentukan informasi sahih dan yang lebih utama adalah sikap orang Melayu sendiri yang tidak ambil peduli mengenai kepentingan mengangkat sejarah dan budaya bangsa.

Justeru, katanya komunikasi warisan atau segala bentuk perkongsian maklumat mengenai tinggalan generasi terdahulu bagi mengambil iktibar daripadanya sangat diperlukan untuk membentuk peradaban generasi seterusnya.

"Kita perlu tanya apa yang orang Melayu telah buat termasuklah para pemimpin dan kita sebagai golongan marhaen ini untuk mempertahankan budaya. Sejak merdeka sehingga sekarang yang menunjangi pemerintahan di negara ini adalah orang Melayu tetapi dalam jangka masa 60 tahun ini apa sudah jadi kepada bahasa Melayu, tulisan jawi dan budaya Melayu.

"Tamadun Melayu adalah hebat sama ada sebelum atau selepas kedatangan Islam tetapi kita telah gagal mengkomunikasikan warisan budaya bangsa, sehingga generasi penerus tidak tahu betapa hebat tamadun ditinggalkan nenek moyang kita, apabila mereka tidak tahu maka mereka tidak ada jati diri, sebab itu kita lihat sekarang ini macam-macam berlaku di negara kita seperti LGBT, liberalisme dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata demikian semasa menyampaikan ucapatama bertajuk 'Komunikasi Warisan Mengungkapkan Warisan Bangsa' di Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu (SALPBM) Kali Ke-10 di Hotel Perdana di Kota Bharu baru-baru ini.

Seminar dua hari pada 6 dan 7 Februari yang mengangkat tema Bahasa dan Sastera Melayu Warisan Budaya Bangsa itu telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Datuk Abang Sallehuddin Abg. Shokeran.

Program anjuran bersama DBP dan UPM dengan kerjasama Universiti Malaysia Kelantan (UMK) adalah yang julung kali diadakan di luar Kuala Lumpur dan mendapat sambutan daripada lebih 300 peserta termasuk dari Thailand, Indonesia dan Brunei.

Sementara itu, Abdul Mua'ti dalam ucapatamanya turut menyatakan kekesalan apabila kehebatan orang Melayu di zaman silam sama ada dari sudut ilmu, persenjataan mahupun ekonomi seolah-olah hilang kerana tiada usaha komunikasi atau penyampaian maklumat yang serius.

Menurutnya, banyak kehebatan orang Melayu zaman dahulu tidak diketahui



PROF. Dr. Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad (dua dari kiri) bersama Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Datuk Abang Sallehuddin Abg. Shokeran (tengah) di perasmian Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu (SALPBM) Kali Ke-10 di Kota Bharu baru-baru ini.

Ada orang sangka Melaka jatuh kerana rakyat berperang menggunakan keris dan lembing padahal semasa perang Ogos 1511 itu, panglima Portugis sendiri, Alfonso de Albuquerque membuat catatan bahawa orang Melaka menggunakan penembak tepat dan meriam untuk menyerang balas.

umum antaranya apabila sebuah kitab perubatan Melayu telah diambil oleh penjajah British ketika itu untuk membantu dalam perubatan di Barat. "Kitab perubatan *The Medical Book of Malayan Medicine* atau *Kitab Tibb* diakui oleh The Pharmaceutical Society of Great Britain telah membantu saintis Barat menemui rawatan terhadap penyakit lelah dan bronkitis sekitar tahun 1915.

Tidak diketahui

"Kitab itu juga memuatkan 29 ramuan perubatan Melayu untuk penyakit demam campak namun kegemilangan warisan sains Melayu ini hampir tidak diketahui anak Melayu sendiri kerana tiada siapa menceritakan hal ini kepada anak Melayu.

"Semasa kejatuhan Melaka dahulu pula penjajah merampas 54,431 kilogram emas bersamaan nilai AS\$2.6 bilion dari Istana Melaka yang menunjukkan kepandaian orang Melayu dalam bidang ekonomi tetapi malangnya berapa ramai yang tahu.

"Ada orang sangka Melaka jatuh kerana rakyat berperang menggunakan keris dan lembing padahal semasa perang Ogos 1511 itu, padahal panglima Portugis sendiri, Alfonso de Albuquerque membuat catatan bahawa orang Melaka menggunakan penembak tepat dan meriam untuk menyerang balas," katanya.

Abdul Mua'ti berkata, selain perkongsian secara bersemuka, maklumat

warisan boleh disebar melalui penggunaan media cetak seperti risalah, buku dan bahan berkala serta media elektronik menerusi laporan khas dan dokumentari termasuk pembikinan cerita fiksiyen melalui drama dan filem.

Tegasnya, contoh yang dilakukan Korea Selatan apabila menggunakan media dan industri hiburan untuk melonjak nama negara sehingga dikenali dunia boleh dijadikan iktibar apabila semua pihak berganding untuk memartabat budaya sendiri.

"Korea Selatan adalah negara yang tersepit antara Jepun dan China sehingga apabila Kumpulan Daewoo yang dibantu kerajaan mereka mengeluarkan kereta pada dekad 1980-an orang menyangka ia keluaran Jepun.

"Orang Korea Selatan sedar mereka perlu keluar dan beritahu dunia mereka 'orang Korea' yang ada budaya sendiri, jadi mereka gunakan media, mereka cari hero dan heroin tercantik dan terbitkan drama *Winter Sonata* sehingga kemudiannya tercetus 'Demam Korea' dan 'Gelombang Korea', mereka terbitkan cerita sejarah yang walaupun sejarah negara mereka kecil tetapi dengan jalan cerita yang baik ia dapat diterima dunia," katanya.

Selain itu, katanya, media baharu juga sesuai digunakan dalam penyebaran maklumat warisan menerusi pembangunan laman-laman sesawang untuk menyalurkan maklumat warisan kepada khalayak muda selain penggunaan sepenuhnya media sosial seperti Facebook, Instagram dan seumpamanya.